

RESEARCH ARTICLE

Cabaran pematuhan ikhtilat berlandaskan syariah Islam dalam kalangan multigenerasi di Negara Brunei Darussalam

(Challenges in adhering to shariah-compliant *ikhtilat* among multigenerational muslims in Brunei Darussalam)

Akram Abd Adzim, Nurzakiah Ramlee

Fakulti Syariah, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, UNISSA, Brunei

Abstrak - Artikel ini membincangkan isu ikhtilat yang tidak terkawal antara ahli keluarga, dalam kalangan keluarga multigenerasi di Negara Brunei Darussalam. Situasi perumahan yang menempatkan pelbagai generasi dalam satu rumah tanpa pengawasan yang berlandaskan syarak boleh mewujudkan suasana yang tidak selamat dari sudut syariah. Keadaan ini berlaku apabila batas aurat, adab pergaulan, dan privasi tidak dijaga, yang mana membuka ruang kepada perbuatan yang bertentangan dengan ajaran Islam, sebagai contoh khalwat dalam kalangan ahli keluarga. Antara faktor yang mendorong kepada terjadinya perbuatan tersebut disebabkan antaranya kelonggaran pemantauan ketua keluarga, kurang mengamalkan ajaran agama, serta kurang memiliki sifat takwa dan perasaan takut kepada Allah SWT. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif, yang menganalisis beberapa contoh kes yang tidak dinafikan bermula daripada khalwat yang berlaku dalam kalangan ahli keluarga dan statistik yang berkaitan mengenainya. Juga tidak lupa menggunakan metod analisis dokumen yang berbentuk buku-buku rujukan dan artikel-artikel ilmiah yang berkisar mengenai cabaran pematuhan ikhtilat yang berdasarkan syarak dalam kalangan multigenerasi. Hasil kajian mendapati pengukuhan institusi kekeluargaan yang berasaskan nilai-nilai syarak amat penting bagi memastikan pergaulan ahli keluarga dalam kalangan multigenerasi terjaga dan selari dengan kehendak syarak. Institusi kekeluargaan berperanan dalam mencegah perbuatan ikhtilat melalui pemantauan syariah secara konsisten, komunikasi berkesan, dan penglibatan ahli keluarga secara aktif dalam membentuk adab dan akhlak yang mengikut landasan syarak. Pengkaji ini merupakan antara individu terawal yang menjalankan kajian berkaitan cabaran pematuhan syariah dalam kalangan keluarga multigenerasi di Negara Brunei Darussalam.

Abstract - This article examines the issue of unregulated *ikhtilat* (gender interaction) among family members within multigenerational households in Brunei Darussalam. Contemporary residential arrangements that accommodate multiple generations under one roof, without Shariah-guided supervision of social interaction, may give rise to situations that are deemed unsafe from an Islamic legal perspective. Such conditions emerge when the observance of aurah boundaries, proper etiquette of interaction, and personal privacy is neglected, thereby creating opportunities for behaviours that contravene Islamic teachings, including instances of khalwat occurring among family members themselves. Several contributing factors to this phenomenon have been identified, including lax supervision by family heads, limited religious understanding and practice, as well as weak levels of taqwa and consciousness of Allah SWT in daily life. This study adopts a qualitative research approach through the analysis of selected case examples related to khalwat within family settings, supported by relevant statistical data. In addition, a document analysis method is employed, involving the examination of authoritative texts and scholarly articles that address the challenges of Shariah-compliant *ikhtilat* within multigenerational family contexts. The findings indicate that strengthening the family institution based on Shariah values is crucial in ensuring that social interactions among multigenerational family members remain regulated and aligned with Islamic principles. The family institution plays a pivotal role in preventing violations of *ikhtilat* norms through consistent Shariah-based supervision, effective communication, and the active involvement of family members in cultivating ethical conduct and moral values grounded in Islamic teachings. This study represents one of the earliest scholarly efforts to specifically address the challenges of Shariah compliance among multigenerational families in Brunei Darussalam.

Article History

Received : 12 February 2026

Revised : 9 March 2026

Accepted : 3 April 2026

Published : 30 April 2026

Katakunci

Ikhtilat

Keluarga multigenerasi

Pematuhan Syariah

Khalwat

Keywords*Ikhtilat*

Multigenerational family

Shariah compliance

*Khalwat***Pendahuluan**

Di Brunei Darussalam, pematuhan terhadap hukum syariah merupakan sebahagian daripada identiti negara yang berteraskan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB). Pelaksanaan undang-undang syariah melalui Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013, bertujuan untuk menjaga kesucian agama dan akhlak masyarakat. Namun, pematuhan syariah tidak hanya bergantung kepada penguatkuasaan undang-undang, tetapi turut memerlukan kefahaman, kesedaran, dan penghayatan oleh setiap individu. Keluarga multigenerasi, iaitu keluarga yang menempatkan tiga atau lebih generasi di bawah satu bumbung — memberikan manfaat dari sudut sokongan sosial dan ekonomi. Namun, dalam konteks syariah,

ia juga membawa risiko apabila terdapat ahli keluarga yang bukan mahram tinggal bersama. Risiko ini bertambah apabila batas aurat, adab pergaulan, dan privasi tidak dijaga dengan baik, sekali gus membuka ruang kepada ikhtilat yang tidak terkawal. Isu ini menjadi semakin penting apabila terdapat kes-kes yang dibicarakan di Mahkamah Syariah Brunei menunjukkan bahawa hubungan tidak terkawal dalam rumah tangga multigenerasi boleh menjadi pencetus kepada jenayah khalwat, persetubuhan luar nikah, malah kes sumbang mahram.

Pernyataan Masalah

Dalam konteks masyarakat Brunei Darussalam yang berpaksikan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB), pematuhan terhadap hukum syariah merupakan tuntutan agama dan asas pembentukan jati diri masyarakat. Walaupun undang-undang syariah telah dilaksanakan secara sistematik, tahap pematuhan di peringkat institusi keluarga masih berdepan pelbagai cabaran, terutamanya dalam struktur keluarga multigenerasi. Keluarga multigenerasi, yang menggabungkan beberapa generasi tinggal bersama atau berhubung rapat, bukan sahaja menonjolkan nilai kekeluargaan yang kukuh, tetapi juga membuka ruang kepada perbezaan pendekatan terhadap ajaran Islam. Variasi pendidikan, kefahaman agama, dan pengaruh budaya moden antara generasi tua dan muda boleh menyukarkan penerapan nilai syariah secara konsisten.

Salah satu isu kritikal yang timbul dalam konteks ini ialah *ikhtilat*, iaitu pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram. Dalam kediaman yang dihuni oleh pelbagai keluarga, batas pergaulan antara ipar, sepupu, anak saudara, dan menantu sering kali diabaikan atas alasan hubungan kekeluargaan. Namun, dari perspektif syariah, mereka tergolong dalam kategori bukan mahram dan tertakluk kepada batas pergaulan yang ketat. Pengabaian terhadap batas ini boleh mengundang kepada pelanggaran hukum seperti khalwat, persetubuhan luar nikah, atau menimbulkan rasa tidak selesa kepada ahli keluarga lain yang lebih tegas dalam memelihara syariat. Kajian oleh Nor Adilah Najwa Hassan, Hamdi Ishak, dan Sabri Mohamad turut menegaskan bahawa anak-anak yang telah baligh wajib menjaga batas pergaulan dengan sepupu kerana mereka termasuk dalam kategori bukan mahram, walaupun sering dianggap seperti adik-beradik. Realiti ini menunjukkan bahawa salah faham terhadap konsep mahram dan longgarnya kawalan ikhtilat dalam keluarga multigenerasi boleh menjadi faktor utama yang menyumbang kepada cabaran pematuhan syariah di Brunei Darussalam.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang menggabungkan:

1. Analisis Dokumen – termasuk kajian terhadap:
 - a) Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013
 - b) Akta Mahkamah-Mahkamah Kadi, Penggal 77
 - c) Rekod kes Bahagian Penguatkuasaan Brunei
 - d) Buku, jurnal akademik, dan artikel ilmiah yang berkaitan
2. Kajian Kes – melibatkan analisis terhadap kes-kes sebenar yang dilaporkan dan dibicarakan di Mahkamah Syariah yang berkaitan dengan ikhtilat, khalwat, Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi, Bab 178, Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22, Seksyen 377A, dan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013.

Pendekatan ini membolehkan kajian mengenal pasti faktor penyebab, bentuk pelanggaran, implikasi undang-undang, dan peranan institusi kekeluargaan dalam mengawal pergaulan yang menepati syarak.

Perbincangan

Konsep Pematuhan Syariah: Satu Pengenalan Ringkas

Pematuhan Syariah merujuk kepada tindakan mematuhi dan melaksanakan segala perintah serta larangan yang telah ditetapkan oleh Allah Subhanahu Wa Ta'ala melalui al-Quran dan Sunnah Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasalam, yang meliputi seluruh aspek kehidupan seorang Muslim. Dalam konteks kehidupan bermasyarakat dan berkeluarga, pematuhan syariah bukan hanya terhad kepada ibadah khusus seperti solat, puasa, atau zakat, tetapi juga merangkumi hubungan sosial, akhlak, dan adab pergaulan. Di Negara Brunei Darussalam, konsep pematuhan syariah mempunyai makna yang lebih menyeluruh kerana ia disokong oleh kerangka perundangan negara berteraskan falsafah *Melayu Islam Beraja* (MIB). Pelaksanaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah (PKHJS) 2013, Akta Mahkamah-Mahkamah Kadi, dan Kanun Hukuman Jenayah (Penggal 22) adalah antara bukti bahawa pematuhan syariah tidak hanya berasaskan kesedaran individu, tetapi juga menjadi kewajipan undang-undang yang perlu dipatuhi oleh semua warganegara Islam.

Dalam isu berkaitan ikhtilat, pematuhan syariah bermaksud menjaga batas pergaulan antara lelaki dan perempuan bukan mahram, mengelakkan khalwat, menutup aurat, menahan pandangan, serta tidak melakukan perkara yang boleh membawa kepada fitnah atau maksiat. Prinsip ini bersandarkan firman Allah Subhanahu Wa Ta'ala:

قُلْ لِلْمُؤْمِنِينَ بَعْضُهُمْ مِنْ أَبْصَارِهِمْ وَيَحْفَظُوا فُرُوجَهُمْ

Maksudnya: “Katakanlah kepada lelaki yang beriman supaya mereka menahan pandangan mereka dan memelihara kemaluan mereka.” (Surah al-Nūr, 24:30)

Dalam konteks keluarga multigenerasi, pematuhan syariah menjadi cabaran tersendiri kerana hubungan rapat sesama ahli keluarga boleh menimbulkan suasana yang longgar terhadap batas aurat dan pergaulan, terutama jika kurang kefahaman tentang siapakah yang termasuk dalam kategori mahram dan bukan mahram. Oleh itu, pematuhan syariah bukan sahaja memerlukan kesedaran peribadi, tetapi juga pengawasan bersama dalam keluarga dan masyarakat untuk memastikan pergaulan sentiasa berada dalam landasan yang direcai Allah Subhanahu Wa Ta'ala.

Pengertian Ikhtilat dalam Perspektif Syariah

Secara bahasa, perkataan *ikhtilat* berasal daripada kata kerja Arab *اختلط* (*ikhtalaṭa*) yang bermaksud bercampur atau bergaul. Dalam istilah syarak, *ikhtilat* merujuk kepada percampuran bebas antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram dalam satu tempat atau suasana, sama ada dengan tujuan tertentu atau tanpa tujuan yang jelas, yang boleh membuka ruang kepada fitnah, rangsangan syahwat, atau perbuatan yang dilarang oleh agama. *Ikhtilat* dalam bentuk yang dibenarkan ialah pergaulan yang berlaku dengan mematuhi syarat-syarat syariah, seperti antara lelaki dan perempuan mahram, atau dalam urusan yang diizinkan syarak dengan batas adab tertentu. Sebaliknya, *ikhtilat* yang dilarang ialah apabila lelaki dan perempuan bukan mahram bergaul tanpa keperluan mendesak, tanpa kawalan batas aurat, atau berada dalam keadaan yang boleh membawa kepada khalwat dan zina. Larangan ini bersandarkan firman Allah Subhanahu Wa Ta'ala:

وَلَا تَقْرُبُوا الزَّوْجَىٰٓ إِتْمًا كَانَ فَرْجُهُمْ وَسَاءَ سَبِيلًا

Maksudnya: "Dan janganlah kamu mendekati zina; sesungguhnya zina itu adalah suatu perbuatan yang keji dan satu jalan yang buruk." (Surah al-Isrā', 17:32)

Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasalam juga memberi peringatan:

لَا يَخْلُونَ رَجُلٌ بِامْرَأَةٍ إِلَّا وَمَعَهَا ذُو مَحْرَمٍ

Maksudnya: "Janganlah seorang lelaki berdua-duaan dengan seorang wanita, kecuali bersama mahramnya." (Riwayat al-Bukhari)

Dalam konteks keluarga multigenerasi di Brunei Darussalam, *ikhtilat* boleh berlaku walaupun dalam satu rumah — contohnya antara ipar-duai, sepupu, menantu atau mertua — jika batas aurat dan adab pergaulan tidak dijaga. *Ikhtilat* boleh berlaku apabila ahli keluarga lelaki dan perempuan yang bukan mahram tinggal sebumbung atau sering berkumpul tanpa pemisahan ruang dan batas pergaulan yang jelas. Keadaan ini, jika tidak diurus dengan panduan syariah, boleh menyebabkan normalisasi pergaulan bebas, seterusnya meningkatkan risiko khalwat dan kesalahan syariah lain seperti yang diperuntukkan dalam Bab 178(3) Akta Mahkamah-Mahkamah Kadi atau Seksyen 377A Kanun Hukuman Jenayah. Oleh itu, memahami makna *ikhtilat* dengan tepat adalah langkah asas untuk membentuk kesedaran dalam kalangan keluarga multigenerasi agar mereka mematuhi hukum syariah, melindungi maruah diri dan keluarga, serta mengelakkan daripada terjebak dalam perbuatan yang dilarang oleh agama.

Takrifan dan Ciri-ciri Keluarga Multigenerasi

Secara umum, istilah multigenerasi merujuk kepada keadaan di mana tiga atau lebih generasi keluarga tinggal bersama atau sering berinteraksi dalam satu kediaman atau ruang sosial yang sama. Dalam konteks keluarga, ia melibatkan datuk dan nenek (generasi pertama), anak-anak mereka (generasi kedua), serta cucu-cucu (generasi ketiga), dan kadangkala cicit (generasi keempat). Di Brunei Darussalam, model keluarga multigenerasi masih menjadi amalan yang agak lazim, terutamanya dalam masyarakat Melayu Islam yang menitikberatkan hubungan kekeluargaan, sokongan sosial, dan penjagaan bersama. Faktor ekonomi, budaya, dan agama turut menggalakkan tinggal bersama dalam rumah yang sama.

Walau bagaimanapun, dalam kerangka pematuhan syariah, tinggal bersama dalam keluarga multigenerasi boleh membawa cabaran tersendiri berkaitan batas pergaulan (*ikhtilat*), terutamanya apabila terdapat ahli keluarga lelaki dan perempuan yang bukan mahram tetapi kerap berada dalam ruang yang sama. Contohnya, sepupu yang tinggal bersama, ipar duai, atau ahli keluarga melalui perkahwinan. Keadaan ini boleh menimbulkan risiko normalisasi pergaulan bebas jika tiada kefahaman yang jelas tentang siapa yang dikategorikan sebagai mahram dan bukan mahram, atau jika tiada peraturan rumah yang mengawal batas interaksi. Hal ini selari dengan penemuan dalam kajian dan laporan kes syariah di Brunei yang menunjukkan sebahagian kes khalwat dan persetubuhan terlarang berlaku antara individu yang ada hubungan kekeluargaan yang bukan mahram dan mahram. Oleh itu, memahami makna dan ciri keluarga multigenerasi adalah penting sebagai asas kepada perbincangan mengenai cabaran pematuhan *ikhtilat*, kerana ia mempengaruhi bagaimana ruang dan hubungan kekeluargaan diurus supaya selaras dengan tuntutan syariah.

Faktor Penyumbang kepada Normalisasi Ikhtilat Sama Ada Disedari atau Tidak dalam Keluarga Multigenerasi

Keluarga multigenerasi menawarkan banyak kelebihan dari segi sokongan sosial, ekonomi, dan kekuatan hubungan kekeluargaan. Namun, dalam konteks pematuhan syariah, wujud beberapa faktor yang boleh membawa kepada normalisasi *ikhtilat* yang tidak menepati batas syarak. Berdasarkan dapatan kajian dan sokongan dalil syarak, faktor-faktor ini boleh dibahagikan kepada aspek budaya, sosial, psikologi, dan kelemahan kawalan keluarga.

1. Kekeliruan Status Mahram

Ramai dalam kalangan masyarakat yang masih keliru mengenai siapakah yang dikategorikan sebagai mahram dan bukan mahram. Dalam keluarga multigenerasi, kekeliruan ini sering berlaku apabila tinggal bersama ipar duai, sepupu, atau ahli keluarga melalui perkahwinan. Kekurangan ilmu ini menyebabkan pergaulan tanpa batas menjadi perkara biasa, walaupun ia bertentangan dengan prinsip syariah.

2. Ketiadaan Kawalan Ruang dan Interaksi

Apabila ruang rumah tidak direka atau diatur untuk memisahkan kawasan lelaki dan perempuan bukan mahram, interaksi bebas akan lebih mudah berlaku. Ketiadaan pemisahan ruang tidur, ruang rehat, atau kawasan makan bersama boleh membuka peluang kepada *ikhtilat* yang dilarang. Walaupun ruang tidak direka untuk memisahkan jantina, akal fikiran (*common sense*) sepatutnya menjadi asas seseorang itu dalam keadaan begini.

3. Pengaruh Budaya dan Kebiasaan Keluarga

Dalam sesetengah keluarga, pergaulan rapat antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram dianggap biasa kerana telah menjadi adat turun-temurun. Apabila budaya ini diteruskan tanpa penjelasan agama yang tepat, ia akan menormalkan perbuatan yang sebenarnya dilarang dalam Islam.

4. Kurangnya Pendidikan Agama Praktikal

Walaupun pendidikan agama diberikan di sekolah atau masjid, penerapannya di rumah sering kali lemah. Anak-anak mungkin tahu hukum ikhtilat secara teori, tetapi tidak dibimbing bagaimana mengamalkannya dalam situasi sebenar di rumah multigenerasi.

5. Pengaruh Budaya Luar, Media dan Teknologi

Media sosial, drama, dan kandungan hiburan sering menggambarkan pergaulan bebas sebagai perkara normal dan diterima. Apabila ahli keluarga terdedah kepada pengaruh ini tanpa penjelasan atau bimbingan, mereka cenderung untuk meniru tingkah laku yang bertentangan dengan syariah. Akses kepada kandungan media yang menonjolkan pergaulan bebas menyebabkan generasi muda menganggapnya sebagai perkara biasa, lalu terpengaruh untuk mengikutinya dalam kehidupan seharian.

6. Kelemahan Pengawasan Keluarga

Dalam rumah multigenerasi yang besar, ketua keluarga atau ibu bapa mungkin sukar mengawasi setiap interaksi. Kekurangan pengawasan ini membolehkan interaksi antara bukan mahram berlaku tanpa disedari, seterusnya membentuk kebiasaan yang berisiko.

Fenomena-fenomena ini, jika dibiarkan, boleh menjadi pintu masuk kepada perbuatan yang lebih serius seperti khalwat atau persetubuhan terlarang. Allah Subhanahu Wa Ta'ala telah memberi amaran:

وَلَا تَقْرَبُوا الزَّانِيَةَ إِنَّهُ كَانَ فَجِشَةً وَسَاءَ سَبِيلًا

Maksudnya: "Dan janganlah kamu mendekati zina; sesungguhnya zina itu adalah suatu perbuatan yang keji dan satu jalan yang buruk." (Surah al-Isrā', 17:32)

Hadis Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasalam memberi amaran:

إِيَّاكُمْ وَالذُّخُولَ عَلَى النِّسَاءِ. فَقَالَ رَجُلٌ مِنَ الْأَنْصَارِ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَرَأَيْتَ الْحَمْوُ؟ قَالَ: (الْحَمْوُ الْمَوْتُ)

Maksudnya: "Berhati-hatilah kamu daripada masuk menemui wanita." Sahabat bertanya: "Wahai Rasulullah, bagaimana pula dengan al-hamwu (ipar)?" Baginda menjawab: "Al-hamwu adalah maut." (Riwayat al-Bukhari & Muslim)

Oleh itu, pemahaman jelas tentang faktor-faktor ini adalah penting supaya keluarga multigenerasi dapat merangka langkah pencegahan dan memastikan hubungan kekeluargaan kekal dalam batas syariah.

Analisis Statistik Aduan dan Isu Kes Berkaitan Ikhtilat, Khalwat dan Kesalahan Syariah

Data rasmi yang direkodkan oleh Bahagian Penguatkuasaan Ugama di Negara Brunei Darussalam bagi tempoh 2018–2023 menunjukkan bahawa kesalahan berkaitan pergaulan bebas (*ikhtilat*) seperti khalwat, persetubuhan luar nikah, dan persetubuhan tertegah nikah masih berlaku secara konsisten dan membimbangkan. Keadaan ini menggambarkan cabaran berterusan dalam memastikan pematuhan syariah, khususnya dalam konteks keluarga multigenerasi yang tinggal bersama atau berhubung rapat.

Jadual 1. Statistik Kesalahan Syariah Terpilih (2018–2023)

Jenis Kesalahan	Bab/Peruntukan	2018	2019	2020	2021	2022	2023
Persetubuhan luar nikah	Bab 178(4) Akta MUI & MMK	43	32	40	8	1	2
Persetubuhan tertegah nikah	Bab 178(3) Akta MUI & MMK	10	6	3	4	4	4
Hamil luar nikah	Bab 94 PKHJS	17	18	–	17	30	19
Khalwat	Bab 196 PKHJS	43	72	64	111	199	197

Sumber: Bahagian Penguatkuasaan Ugama, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Negara Brunei Darussalam (2018–2023)

Analisis daripada jadual ini menunjukkan beberapa pola penting:

1. Khalwat kekal sebagai kesalahan syariah paling tinggi direkodkan setiap tahun, dengan peningkatan ketara pada 2021–2023. Sebahagian kes berlaku dalam kediaman keluarga besar, termasuk rumah multigenerasi, di mana pengawasan terhadap pergaulan ahli keluarga bukan mahram longgar.
2. Persetubuhan Tertegah Nikah di bawah Bab 178(3) menunjukkan konsistensi setiap tahun, yang menandakan isu hubungan terlarang dalam konteks kekeluargaan masih berlaku.
3. Persetubuhan Luar Nikah dan hamil luar nikah walaupun kadarnya lebih rendah, memberi implikasi sosial dan moral yang besar kepada institusi keluarga.

Statistik ini selari dengan penekanan dalam abstrak bahawa pematuhan syariah dalam keluarga multigenerasi memerlukan perhatian serius, bukan sahaja dari aspek pendidikan agama, tetapi juga dari segi pengawasan dalaman dan penguatkuasaan undang-undang yang konsisten.

Kajian Kes Bab 178(3) dan Seksyen 377A serta Hubung Kaitnya dengan Ikhtilat dan Khalwat

Kes bernombor BPA/BM/JU/048/2016 ini melibatkan dua beradik kandung, Hjh IY (kakak) dan SM (adik), yang disabitkan bersalah di bawah Bab 178(3) Akta Mahkamah-Mahkamah Kadi, Penggal 77 kerana melakukan persetubuhan tertegah bernikah. Berdasarkan hasil siasatan dan pengakuan kedua-dua tertuduh, hubungan terlarang ini telah berlaku berulang kali sepanjang tempoh tahun 2011 hingga 2012 di rumah keluarga mereka, khususnya di dalam bilik tidur ketika ahli keluarga lain tiada di rumah dan ada masanya, juga ketika ahli keluarga ada di rumah.

Kedua-duanya mengaku perbuatan ini dilakukan secara suka sama suka, tanpa sebarang paksaan, dan dengan pengetahuan bahawa mereka adalah mahram nasab yang diharamkan berkahwin menurut hukum syarak. Akibat hubungan ini, Hjh IY melahirkan seorang anak lelaki pada April 2012. Laporan ujian DNA bertarikh 8 Oktober 2015 mengesahkan bahawa SM adalah bapa biologi kepada anak tersebut. Dalam prosiding mahkamah, Pendakwa Syar'ie menegaskan bahawa kesalahan ini merupakan perbuatan yang "amat dilaknat oleh Allah" kerana bukan sahaja tergolong dalam kategori zina, malah berlaku di antara mahram nasab yang hubungan mereka diharamkan selama-lamanya. Tindakan ini bukan sahaja menjatuhkan maruah keluarga, bahkan memberi kesan besar kepada anak yang lahir, termasuk kehilangan hak nasab, pewarisan, dan perwalian. Hakim Bicara dalam alasan penghakimannya menegaskan bahawa larangan pernikahan sesama mahram adalah jelas dalam hukum syarak, apatah lagi larangan melakukan persetubuhan. Beliau menyifatkan kesalahan ini sebagai "tidak masuk akal dengan norma-norma pemikiran" dan perbuatan yang mengundang aib serta malu yang mendalam kepada anak dan keluarga.

Kaitannya dengan Cabaran Ikhtilat dalam Keluarga Multigenerasi

Kes ini berlaku dalam sebuah rumah keluarga yang menempatkan ahli daripada pelbagai generasi. Ketiadaan pengawasan berkesan, khususnya ketika ahli keluarga lain tiada di rumah, membuka ruang kepada ikhtilat bebas yang akhirnya membawa kepada khalwat berulang kali, bahkan sampai ke arah sumbang mahram. Faktor-faktor seperti:

1. Tidak memahami kewajipan menjaga batas aurat antara mahram dan bukan mahram.
2. Ketiadaan peraturan rumah yang jelas untuk mengawal pergaulan.
3. Persepsi bahawa hubungan kekeluargaan secara automatik menghalang fitnah.

Kes ini menjadi bukti jelas bahawa walaupun berada dalam lingkungan keluarga multigenerasi, pergaulan tanpa panduan syariah boleh membawa kepada jenayah syariah yang berat, merosakkan maruah keluarga, dan meninggalkan kesan berpanjangan kepada generasi seterusnya.

Antara faktor yang menyumbang kepada berlakunya kesalahan ini ialah wujudnya persepsi dalam kalangan sebahagian masyarakat bahawa hubungan kekeluargaan secara automatik berfungsi sebagai penghalang kepada fitnah dan pelanggaran syarak. Persepsi ini membawa kepada pengabaian batas pergaulan yang telah ditetapkan oleh agama. Misalnya, interaksi antara ipar, sepupu, menantu, atau ahli keluarga melalui perkahwinan sering kali berlaku tanpa pematuhan kepada adab-adab pergaulan Islam, atas alasan mereka tergolong dalam "keluarga" yang dipercayai bebas daripada risiko fitnah. Namun, dari perspektif hukum syarak, hubungan kekeluargaan tidak secara mutlak menjadikan seseorang itu mahram. Sebagai contoh, ipar lelaki tetap merupakan bukan mahram kepada isteri abang, begitu juga hubungan antara sepupu. Oleh itu, mereka tetap tertakluk kepada larangan berdua-duaan (khalwat), kewajipan menutup aurat, dan pengasingan ruang interaksi apabila diperlukan. Dalam konteks keluarga multigenerasi, salah faham ini boleh mewujudkan persekitaran yang longgar terhadap kawalan ikhtilat, seterusnya membuka ruang kepada pelanggaran syariah yang lebih serius seperti yang berlaku dalam kes BPA/BM/JU/048/2016.

Akibat Pelanggaran Kesalahan Jenayah Syariah

1. Dari Sudut Agama

Perbuatan zina, sumbang mahram, atau persetubuhan terlarang merupakan dosa besar yang jelas dilarang oleh al-Quran dan as-Sunnah. Firman Allah Subhanatu Wa Ta'ala:

وَلَا تَقْرَبُوا الزَّانِئَةَ إِنَّهُ كَانَ فَاحِشَةً وَسَاءَ سَبِيلًا

Maksudnya: "Dan janganlah kamu menghampiri zina; sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang buruk." (Surah al-Isrā', 17:32)

Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasalam juga bersabda mengenai besarnya dosa berzina dengan mahram:

وَعَنْ ابْنِ مَسْعُودٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: سَأَلْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَيُّ الذَّنْبِ أَكْبَرُ؟ قَالَ: «أَنْ تَجْعَلَ لِلَّهِ نِدَاءً وَهُوَ خَلْقَكَ» قُلْتُ: ثُمَّ أَيُّ؟ قَالَ: «أَنْ تَقْتُلَ وَوَلَدَكَ خَشْيَةً أَنْ يَأْكُلَ مَعَكَ» قُلْتُ: ثُمَّ أَيُّ؟ قَالَ: «أَنْ تُزَانِيَ حَلِيلَةَ جَارِكَ» «مُنْفَقٌ عَلَيْهِ

Maksudnya: Dari Ibnu Mas'ud Radhiyallahu 'anhu beliau berkata: Saya pernah bertanya kepada Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasalam: "Dosa apa yang paling besar?"

Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasalam bersabda: "Jika kamu menjadikan sekutu bagi Allah Subhānahu wa-ta'āla padahal Dia yang menciptakanmu." "Kemudian apa?"

Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasalam bersabda: "Jika engkau membunuh anakmu karena takut ia makan bersamamu." "Kemudian apa?"

Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasalam bersabda: "Jika kamu berzina dengan isteri tetanggamu." (Riwayat al-Bukhari & Muslim)

Sumbang mahram lebih dahsyat lagi kerana melibatkan pertalian darah yang diharamkan berkahwin selama-lamanya, menjadikannya satu bentuk kezaliman dan pencemaran maruah keluarga.

2. Dari Sudut Undang-Undang

a. Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 (PKHJS), Bab 69 - Hukuman Zina

- i) Hukuman bagi kesalahan persetubuhan oleh *muhsan* boleh dikenakan hukuman hudud (jika memenuhi syarat pembuktian), iaitu direjam sehingga mati dengan disaksikan oleh sekumpulan orang Islam bagi *muhsan* atau sebatan 100 kali bagi *ghairu muhsan*.
- ii) Jika tidak memenuhi syarat hudud, hukuman takzir boleh dikenakan mengikut budi bicara mahkamah, termasuk penjara dan denda.

b. Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 (PKHJS), Bab 196 – Kesalahan Khalwat

Walaupun tidak dinyatakan sepenuhnya dalam kes ini, Bab 196 memperuntukkan hukuman penjara atau denda kepada mereka yang melakukan khalwat, iaitu berada dalam keadaan mencurigakan antara lelaki dan perempuan bukan mahram, sama ada di tempat awam atau persendirian, jika berpotensi membawa kepada perbuatan maksiat.

Dalam bab ini, khalwat bermakna –

- i) Bersekediaman, bersekedudukan, berkurung; atau
- ii) Mengasingkan diri dalam keadaan berhampiran yang mendatangkan syak bahawa mereka sedang melakukan perbuatan maksiat, di antara seorang lelaki dan seorang perempuan atau lebih yang bukan isterinya atau mahramnya, atau di antara seorang perempuan dan seorang lelaki atau lebih yang bukan suaminya atau mahramnya.

c. Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi, Penggal 77

Bab 178 – Persetubuhan Terlarang

(3) *Mana-mana orang yang melakukan persetubuhan dengan mana-mana orang yang dia, dan siapa yang diketahuinya atau mempunyai alasan untuk mempercayai bahawa dia, ditegah oleh hukum syarak untuk kahwin, adalah melakukan suatu kesalahan:*

Hukuman:

Lelaki → Penjara selama 5 tahun

Perempuan → Penjara selama 1 tahun

(4) *Kecuali dalam kes-kes di atas, barangsiapa yang bersalah melakukan persetubuhan luar nikah... adalah melakukan suatu kesalahan:*

Hukuman: Penjara selama 6 bulan atau denda BND5,000.

d. Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22, Seksyen 377A, Sumbang Mahram

(1) Barang siapa —

(a) iaitu seorang lelaki, menyetubuhi seorang perempuan yang diketahuinya adalah ibunya, neneknya, cucu perempuannya, anak perempuannya, kakak atau adik perempuannya atau saudara perempuan seibu atau sebahanya; atau

(b) iaitu seorang perempuan menyetubuhi seorang lelaki yang diketahuinya adalah bapanya, datuknya, cucu lelakinya, anak lelakinya, abang atau adik lelakinya atau saudara lelaki seibu atau sebahanya, adalah dikatakan melakukan “sumbang mahram” dan hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 10 tahun dan denda.

Huraian — Tidaklah material sama ada pertalian antara orang yang dituduh itu dikesan atau tidak dikesan melalui perkahwinan yang sah.

(2) Bab ini tidak dikenakan kepada bangsa Melayu dan bangsa lain daripada puak jati Negara Brunei Darussalam yang menurut undang-undang atau adat mereka sendiri boleh dihukum kerana melakukan persetubuhan dalam tahap perhubungan terlarang.

Kesimpulan mengenai konteks kes BPA-BM-JU-048-2016, kedua-dua tertuduh disabitkan di bawah Bab 178(3) kerana melakukan persetubuhan dengan mahram nasab. Hukuman maksimum yang diperuntukkan ialah penjara 5 tahun bagi lelaki dan penjara 1 tahun bagi perempuan. Di samping itu, jika disabitkan di bawah PKHJS, kes ini juga boleh dikenakan hukuman hudud jika memenuhi syarat pembuktian, namun kebiasaannya mahkamah menjatuhkan hukuman takzir berdasarkan keterangan dan bukti yang ada.

Adab Pergaulan dalam Kalangan Ahli Keluarga Multigenerasi Menurut Syariah

Keluarga multigenerasi yang ingin membina kehidupan berlandaskan ajaran Islam memerlukan garis panduan adab yang jelas supaya setiap ahli keluarga, sama ada yang lebih tua atau muda, dapat hidup bersama dalam suasana yang harmoni, saling menghormati, dan pada masa yang sama memelihara batas-batas syariah. Dalam konteks Brunei Darussalam, penjagaan adab ini adalah sebahagian daripada tanggungjawab kita sebagai masyarakat yang berpegang kepada falsafah *Melayu Islam Beraja*, di mana ajaran agama menjadi asas kepada sistem kekeluargaan dan perundangan negara. Adab yang baik dalam rumah multigenerasi bukan hanya menjaga ketenteraman dalaman rumah tangga, malah berperanan sebagai benteng daripada fitnah dan maksiat. Ia menuntut gabungan antara amalan agama yang berterusan, pemantapan nilai kekeluargaan, serta kawalan terhadap pengaruh luar yang semakin mencabar. Firman Allah Subhanahu Wa Ta'ala menjadi asas utama dalam hal ini:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَدْخُلُوا بُيُوتًا غَيْرَ بُيُوتِكُمْ حَتَّى تَسْتَأْذِنُوا وَتُسَلِّمُوا عَلَى أَهْلِهَا ۚ ذَلِكُمْ خَيْرٌ لَكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

Maksudnya: "Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu masuk ke rumah yang bukan rumah kamu sehingga kamu meminta izin dan memberi salam kepada penghuninya. Demikian itu lebih baik bagi kamu, mudah-mudahan kamu mengambil pengajaran." (Surah al-Nūr, 24:27)

Ayat ini mengingatkan kita bahawa Islam bukan sekadar menetapkan hukum dalam ibadat, tetapi juga mendidik adab yang mendalam dalam kehidupan seharian. Dalam rumah multigenerasi, ia bermaksud setiap individu perlu menjaga privasi antara satu sama lain, tidak memasuki ruang peribadi tanpa izin, dan sentiasa memulakan interaksi dengan salam sebagai tanda hormat.

Antara adab yang sepatutnya menjadi benteng kepada keluarga multigenerasi dan diterapkan dalam institusi kekeluargaan ialah:

1. Menjaga aurat dan batas pandangan

Menutup aurat bukan sekadar tuntutan ketika berada di luar rumah, tetapi juga di dalam rumah jika berhadapan dengan ahli keluarga bukan mahram. Kesilapan yang sering berlaku dalam keluarga multigenerasi ialah menganggap semua ahli keluarga "seperti mahram" hanya kerana mempunyai hubungan kekeluargaan jauh, sedangkan syarak jelas menetapkan siapa yang mahram dan siapa yang bukan. Dengan menjaga aurat, kita bukan sahaja mematuhi hukum Allah tetapi juga mengelakkan fitnah dan bisikan syaitan yang sentiasa mencari peluang.

2. Mengasingkan ruang peribadi dan tempat tidur

Dalam rumah yang didiami oleh pelbagai ahli keluarga, pengasingan ruang peribadi amat penting. Anak lelaki dan perempuan yang telah baligh tidak seharusnya berkongsi bilik tidur dengan ahli keluarga bukan mahram. Masuk ke bilik orang lain tanpa izin bukan sahaja melanggar adab, malah boleh membuka ruang kepada perkara yang tidak diingini. Inilah sebabnya Islam menekankan adab meminta izin seperti yang disebut dalam Surah al-Nur tadi.

3. Memastikan kawalan pergaulan dalam rumah

Pergaulan bebas antara bukan mahram walaupun dalam rumah sendiri tetap termasuk dalam larangan ikhtilat. Aktiviti seperti duduk berdua-duaan di ruang tertutup tanpa kehadiran mahram, atau berbual dengan nada mesra yang melampaui batas, boleh menjadi pintu kepada maksiat. Kes BPA-BM-JU-048-2016 menjadi contoh tragis bagaimana kelonggaran dalam kawalan pergaulan dalam rumah boleh membawa kepada jenayah sumbang mahram yang berat dan memalukan.

4. Mengawal pengaruh luar termasuk penggunaan media sosial

Arus teknologi yang terbuka luas menjadikan kawalan terhadap kandungan hiburan dan media sosial amat penting. Ketua keluarga perlu berperanan aktif memastikan penggunaan gajet dan internet tidak mengundang unsur-unsur yang bercanggah dengan ajaran Islam. Pendidikan agama mesti berjalan seiring dengan kesedaran tentang bagaimana teknologi boleh mempengaruhi sikap, pemikiran, dan adab anak-anak.

5. Menghidupkan suasana rumah yang berteraskan nilai Islam

Rumah yang penuh berkat adalah rumah yang dibina atas asas taqwa. Menghidupkan amalan memberi salam, menunaikan solat berjemaah, membaca al-Quran, mengadakan majlis ilmu, dan saling menasihati adalah antara cara terbaik untuk memastikan setiap ahli keluarga kekal di landasan yang betul. Suasana begini menguatkan rasa kebersamaan, mengurangkan rasa kesunyian, dan menutup ruang kepada pengaruh buruk dari luar.

6. Mendahulukan sifat malu dan taqwa

Sifat malu adalah benteng yang kukuh terhadap maksiat. Rasulullah Sallallahu Álaihi Wasalam bersabda:

أَلْحِيَاءُ مِنَ الْإِيمَانِ

Maksudnya: "Malu itu sebahagian daripada iman." (Riwayat at-Tirmidzi, Ahmad, Ibnu Hibban)

Dalam kehidupan rumah multigenerasi, sifat malu mendorong seseorang untuk mengawal kata-kata, perbuatan, dan tingkah laku agar tidak melanggar batas agama atau mengundang fitnah. Apabila sifat malu disertai taqwa, seseorang bukan sahaja mengelak daripada perkara yang jelas haram, tetapi juga berhati-hati terhadap perkara yang boleh membawa kepada maksiat. Amalan-amalan ini jika diterapkan dengan kesungguhan akan mencegah berlakunya ikhtilat yang melampaui batas, mengukuhkan hubungan kekeluargaan, dan menjaga kehormatan keluarga. Keluarga multigenerasi yang berpegang kepada adab ini bukan sahaja menjadi contoh kepada masyarakat, tetapi juga menyokong pelaksanaan undang-undang syariah di Brunei Darussalam, sekali gus merealisasikan visi negara untuk melahirkan masyarakat yang taat kepada Allah Subhanahu Wa Taála.

Cadangan

Berdasarkan analisis daripada kajian literatur, data statistik kesalahan syariah, kajian kes sebenar seperti BPA/BM/JU/048/2016, pandangan hukum syarak, dan peruntukan undang-undang Negara Brunei Darussalam, dapat dirumuskan bahawa cabaran pematuhan ikhtilat dalam keluarga multigenerasi memerlukan pendekatan yang menyeluruh. Ia tidak dapat diselesaikan dengan satu strategi tunggal, sebaliknya memerlukan gabungan pendidikan, pembudayaan nilai Islam, pengawasan berterusan, kawalan pengaruh luar, serta penguatkuasaan undang-undang secara tegas.

Pertama, pendidikan agama yang berterusan mesti menjadi asas kepada pembentukan keluarga. Pendidikan ini perlu bersifat praktikal, bukan sekadar teori, dengan penekanan kepada amalan menjaga aurat, meminta izin sebelum memasuki ruang peribadi, mengasingkan tempat tidur antara bukan mahram, dan mengawal pandangan. Perintah Allah Subhanahu Wa Taála dalam Surah al-Taḥrīm ayat 6 jelas menyeru:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا قُوا أَنْفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا

Maksudnya: "*Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah dirimu dan keluargamu daripada api neraka...*" (Surah al-Tahrim, 66:6)

Pendidikan ini harus melibatkan semua generasi dalam keluarga, termasuk datuk nenek, ibu bapa, dan anak-anak, agar nilai agama dapat diwarisi secara konsisten. Kedua, rumah multigenerasi perlu mempunyai peraturan dalaman yang jelas untuk mengawal pergaulan. Pengasingan ruang antara lelaki dan perempuan bukan mahram perlu dijadikan norma. Ini bukan bertujuan memisahkan hubungan kekeluargaan, tetapi untuk memastikan ia berada dalam batas syariah. Kejadian kes BPA-BM-JU-048/2016 menunjukkan bahawa ketiadaan kawalan dan pengawasan boleh membawa kepada jenayah berat seperti sumbang mahram. Ketiga, suasana rumah perlu dibina berteraskan nilai Islam. Rumah seharusnya menjadi medan tarbiyah yang membentuk akhlak ahli keluarga. Amalan memberi salam, solat berjemaah, membaca al-Quran, dan mengadakan majlis ilmu harus dihidupkan secara konsisten, kerana ia menjadi benteng rohani yang menangkis pengaruh negatif luar. Keempat, kawalan terhadap pengaruh luar, khususnya media sosial dan hiburan, perlu dilakukan secara bijaksana. Ketua keluarga perlu aktif memantau dan mendidik ahli keluarga tentang kandungan yang bertentangan dengan ajaran Islam, sambil menjelaskan hikmah di sebalik larangan tersebut supaya ia difahami sebagai langkah perlindungan, bukan sekatan. Kelima, undang-undang syariah mesti dikuatkuasakan dengan tegas. Peruntukan seperti Bab 178(3) Akta Mahkamah-Mahkamah Kadi dan Seksyen 377A Kanun Hukuman Jenayah bukan sahaja berfungsi untuk menghukum, tetapi juga mendidik masyarakat bahawa pelanggaran ikhtilat mempunyai implikasi berat terhadap maruah keluarga dan keharmonian sosial. Akhir sekali, pembudayaan sifat malu dan taqwa adalah benteng utama. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasalam bersabda:

الْحَيَاءُ مِنَ الْإِيمَانِ

Maksudnya: "*Malu itu sebahagian daripada iman.*" (Riwayat at-Tirmidzi, Ahmad, Ibnu Hibban)

Sifat malu menghalang seseorang daripada melakukan maksiat, manakala taqwa menjadi pengawal dalaman untuk sentiasa mematuhi perintah Allah Subhanahu Wa Ta'ala walaupun tiada siapa melihat.

Kesimpulan

Cabaran pematuhan ikhtilat berlandaskan syariah dalam keluarga multigenerasi di Brunei Darussalam memerlukan perhatian serius semua pihak. Faktor-faktor seperti kekeliruan batas mahram, kelonggaran kawalan pergaulan, pengaruh media, dan kelemahan pendidikan agama telah dikenal pasti sebagai punca utama kepada berlakunya kes khalwat, persetubuhan terlarang, dan sumbang mahram. Statistik kesalahan syariah serta kajian kes seperti BPA/BM/JU/048/2016 membuktikan bahawa isu ini memberi kesan mendalam, bukan sahaja kepada individu, tetapi juga kepada maruah keluarga, keharmonian masyarakat, dan reputasi negara. Penyelesaiannya memerlukan gabungan pendidikan agama berterusan, pengawasan rumah yang efektif, pembinaan budaya kekeluargaan berlandaskan nilai Islam, kawalan pengaruh luar secara bijak, dan penguatkuasaan undang-undang yang konsisten. Apabila semua pihak melaksanakan tanggungjawab masing-masing, keluarga multigenerasi bukan sahaja terpelihara daripada pelanggaran ikhtilat, bahkan boleh menjadi contoh teladan keluarga Islam yang hidup berpandukan al-Quran dan Sunnah, menjaga maruah, dan menyumbang kepada pembinaan masyarakat yang taat kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala. Dengan itu, aspirasi Negara Brunei Darussalam untuk melahirkan masyarakat patuh syariah yang berpegang teguh kepada falsafah Melayu Islam Beraja akan lebih mudah dicapai, memastikan generasi masa depan membesar dalam suasana yang selamat, berakhlak mulia, dan berpegang kukuh kepada ajaran Islam.

Penghargaan

Penulis merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Fakulti Syariah, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, UNISSA, Brunei.

Sumbangan Pengarang

Akram Abd Adzim menyumbang dalam keseluruhan penulisan awal draf artikel, bermula dari abstrak sehingga kesimpulan dan penyunting keseluruhan manuskrip.

Nurzakiah Ramlee terlibat dalam penyeliaan penulisan artikel.

Konflik Kepentingan

Penulis tidak mempunyai sebarang kepentingan atau kecenderungan peribadi kepada mana-mana pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam kajian ini.

Rujukan

Al-Quran al-Karim.

Ahmad, N. A. D. (2011). *300 dosa yang diremehkan wanita*. Kiswah Media.

Al-Amīr, M. (n.d.). *Sharḥ mukhtaṣar al-Khalīl*. Maktabat al-Qāhirah.

Ali, S. N., & Suleiman, N. M. N. (2016). Shariah Compliance in Islamic Finance: A literature review. *Journal of Islamic Marketing*, 7(1), 16–30.

al-Nasā'ī, A. A. R. A. b. Shu'ayb b. 'Alī al-Khurāsānī. (2001). *Sunan al-kubrā* (Vol. 8). Mu'assasat al-Risālah.

Al-Qarāḍāwī, Y. (1995). *Fiqh al-dawlah fī al-Islām: Bayn al-nazariyyah wa al-taṭbīq*. Dār al-Shurūq.

- Al-Sarakhsi, S. (n.d.). *Al-Mabsūt*. Dar al-Ma‘rifah. Temubual bersama Ustazah Kartini binti Haji Abdullah (Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah) 12hb Februari 2025, 22hb Oktober 2025.
- Al-Shātibī, I. (2004). *Al-muwāfaqāt fī uṣūl al-sharī‘ah* (Vol. 1). Dār Ibn ‘Affān.
- Al-Zuhayli, W. (2001). *Al-fiqh al-islami wa adillatuhu* (Vol. 7; S. A. S. Hussain et al., Trans.). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Haji Amai, N., & Ismail, S. Z. (2023). *Penglibatan perempuan dalam kesalahan moral di bawah Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013 di Brunei Darussalam*. *Ar-Rā‘iq*, 6(2), 30–31.
- Dusuki, A. W., & Abdullah, N. I. (2007). Maqasid al-Shariah, Masalahah, and corporate social responsibility. *The American Journal of Islamic Social Sciences*, 24(1), 25–45.
- Haji Abas, N. (2024). Peningkatan kes khalwat dan pergaulan bebas di Negara Brunei Darussalam: Faktor sosial dan budaya. *Journal of Brunei Islamic Studies*, 42–58.
- Hassan, N. A. N., Ishak, H., & Mohamad, S. (2019). *Adab pergaulan dan kesannya sesama manusia menurut al-Quran dan al-Sunnah terhadap pelajar*. *TAMU: Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 5(1), 1–8.
- Ibn Ashur, M. T. (2006). *Treatise on Maqasid al-Shariah* (trans. Mohamed el-Tahir el-Mesawi). London: International Institute of Islamic Thought (IIIT).
- Ibn Kathir, Tafsir al-Qur‘an al-‘Azim. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn Taymiyyah, A. ibn ‘A. al-Ḥ. (1987). *Al-fatāwā al-kubrā*. Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ismail, A., Musa, M. R., & Hamzah, A. (2020). Gaya komunikasi ibu bapa dan pengaruhnya terhadap pembangunan akhlak anak-anak. *Jurnal Pendidikan Islam*, 8(2), 15–29.
- Ismail, S., Mohamad Rasit, R., Aini, Z., Ismail, N., & Mohamad, N. (2020). Cabaran komunikasi ibu bapa dalam keluarga muslim di Selangor: Parents communication challeges in muslim’s family in Selangor. *Jurnal Pengajian Islam*, 13(1), 67–77.
- Jabatan Mufti Kerajaan Brunei Darussalam. (2018). *Risalah penjelasan mengenai Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013*. Jabatan Mufti Kerajaan Brunei Darussalam.
- Jabatan Mufti Kerajaan Brunei Darussalam. (2023). *Fatwa: Pergaulan lelaki dan perempuan*. <http://www.mufti.gov.bn>
- Jamil, H. (2025). A spatio-temporal analysis of house prices in Brunei Darussalam. Springer.
- Kamali, M. H. (2008). *Shari‘ah law: An introduction*. Oneworld Publications.
- Ketua Hakim Syar‘ie Brunei. (2023). *Mengatasi pergaulan bebas dalam masyarakat Brunei: Peranan agama dan undang-undang*. Kenyataan rasmi Ketua Hakim Syar‘ie Brunei.
- Khidmat Guaman. (2022). *Cabaran membina keluarga harmoni dalam konteks Malaysia*. <https://khidmatguaman.my/-cabaran-membina-keluarga-harmoni-dalam-konteks-malaysia/>
- Mahkamah Syariah Brunei Darussalam. (2024). *Kesalahan syariah dan prosedur*. <http://www.syariahcourt.gov.bn>
- Muhammad. *Hukum ikhtilath dalam pembelajaran di tinjauan dalam Maqasyid Syariah*. 65.
- Munawwir, A. W. (1997). *Kamus Al-Munawwir Arab–Indonesia terlengkap*. Pustaka Progresif.
- Negara Brunei Darussalam. (2013). *Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013*.
- Negara Brunei Darussalam. (n.d.). *Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi, Penggal 77*.
- Negara Brunei Darussalam. (n.d.). *Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22*.
- Pengiran Haji Hassan, P. M. T. (2011). *Mahkamah-Mahkamah Syariah: Penubuhan, Bidang Kuasa dan Pentadbiran*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Romadhon, R., Syamsuddin, & Baihaqi. (2023). Tinjauan hukum Islam terhadap ikhtilath dalam tempat kerja (studi kasus di PT Sejahtera Utama Solo). *AL HUKMU: Journal of Islamic Law and Economics*, 3(2), 41–54.
- Ṣaḥīḥ al-Bukhari.
- Ṣaḥīḥ Muslim.
- Siddiq, M., & Fahmi, C. (2009). *Problematika qanun khalwat: Analisa terhadap perspektif mahasiswa Aceh*. Aceh Justice Resource Center.
- Sunan At-Tirmidzi
- Zaydān, ‘A. K. (1993). *Al-Mufaṣṣal fī aḥkām al-mar‘ah*. Mu‘assasat al-Risālah.